

## BAB 5

### ESTETIKA MAKNA/JIWA MAK YONG

#### 5.0 PENGENALAN

Fungsi seni dalam Islam ialah indah dan bermakna. Kenyataan ini disokong oleh V.I. Braginsky yang mengatakan bahawa segala hasil ciptaan sastera bertujuan untuk membaiki jiwa dan moral manusia. Kalau sebelum ini estetika kesenian tradisional dilihat dari aspek hiburan, kajian ini pula akan menyentuh estetika dari sudut maknanya. Melihat dari aspek hiburan sahaja membataskan pengertian estetika persembahan kerana ciri hiburan mempunyai pengertian sempit dan bersifat kenafsuhan yang berasaskan emosi. Oleh itu perbincangan dalam aspek makna memperluaskan ruang pengertian estetika. Penekanan adalah kepada makna dalam konteks pengajaran yang disalurkan melalui hiburan. Makna yang dimaksudkan di sini ialah isi, falsafah, mesej dan moral yang mencirikan kebenaran dan menjadi pengajaran.

Untuk menonjolkan aspek indah dan bermakna dalam sesebuah karya seni, perlulah difahami terlebih dahulu proses pembikinan atau proses bagaimana lahirnya karya seni tersebut. Ini juga melibatkan pemahaman terhadap masyarakat yang melahirkan dan yang mengamalkan karya tersebut. Dengan kata lain, estetika mempunyai hubungan yang rapat dengan sistem nilai dan ‘world-view’ sesebuah masyarakat. Setiap hasil karya yang dilahirkan oleh ahli sesebuah masyarakat adalah dipengaruhi oleh ‘world-view’ masyarakat tersebut. Kenyataan ini disokong oleh Braginsky (dalam Mohd Affandi Hassan, 1992:43) yang telah menyimpulkan bahawa :

*"Sastera Melayu klasik adalah didaktik dan bertujuan untuk mengajar dan membentuk peribadi. Ini kerana keindahan sesebuah karya bukan sahaja boleh mempengaruhi jiwa seseorang tetapi juga mempunyai kuasa untuk menyembuhkan. Namun begitu kesan yang lebih penting dan yang lebih utama ialah faedah (manfaat) yang terkandung di dalamnya. Faedah ini selalunya dihubungkan dengan akal, manakala keindahan selalu dihubungkan dengan perasaan atau hati".*

Melihat estetika seni bermakna melihat seni itu sebagai sesuatu yang indah dan bermakna indah. Ini bermakna estetika seni tidak hanya melihat aspek yang luaran yakni mengutamakan hiasan dan keseronokan. Hasil estetika seni menyerlahkan ciri-ciri estetis intelektual yang sepadu. Jelas di sini bahawa isi yang terdapat dalam sesebuah karya seni mempunyai nilai estetik yang tinggi bukan sahaja dari aspek hiburan dan keseronokan yang melibatkan emosi malahan dari aspek manfaat yang terhasil darinya. Jika estetika bentuk mencirikan keindahan rupa sesebuah karya, estetika makna pula mencirikan jiwa sesebuah karya. Ia merupakan perutusan dalam karya yang cuba disampaikan kepada khalayak.

Teori peniruan yang dikemukakan oleh Plato menegaskan bahawa karya seni tidak mempunyai apa-apa hubungan atau pertalian dengan persekitaran. Namun begitu pada realitinya, hubungan tersebut wujud kerana karya seni adalah peniruan kehidupan yang digarap dengan sentuhan kreativiti manusia. Karya seni juga dipersembahkan atau dipertontonkan kepada khalayak bagi memberi ruang untuk dinilai dan ditafsirkan. Dengan kata lain, khalayak bertanggungjawab bagi membuat tafsiran dan peka terhadap karya seni yang ditonton. Tafsiran khalayak terhadap karya seni sering dikaitkan dengan pengiktirafan. Pengiktirafan yang diberi adalah berlandaskan kepada penilaian yang

dipersetujui nilainya secara autentik. Namun begitu penilaian yang dibuat haruslah berdasarkan kepada pengkhususan. Oleh yang demikian kriteria penilaian antara satu karya dengan karya yang lain adalah berbeza kerana setiap karya seni mempunyai kualiti estetik tersendiri dan tidak boleh dijadikan pengukuran gunasama oleh karya yang lain.

Seringkali pengajian terhadap khalayak menumpukan kepada kemampuan dan keupayaan khalayak meletakkan penilaian kepada sesebuah karya yang ditonton. Ini kerana estetika sesebuah karya dilihat sebagai kajian khalayak dan peranan mereka dalam membuat penilaian semasa menonton. Penglibatan mereka melalui pemerhatian, minat, reaksi, tanggapan, sikap, kerjelasan dan lain-lain berperanan ke arah membuat penilaian. Selain itu penilaian juga dibuat berdasarkan kepada bentuk, persiapan persembahan, kesan audio-visual, props dan juga isi. Isi yang dimaksudkan dalam sesebuah karya seni ialah persoalan dan peristiwa atau kejadian yang cuba diketengahkan oleh pengarang. Isi biasanya merupakan rakaman semua persoalan dan kejadian dengan sentuhan kreatif untuk dihayati oleh khalayak.

## **5.1 ESTETIKA MAKNA**

Estetika makna dalam sesebuah karya seni dilihat dari dua (2) sudut utama iaitu :

- i. ‘World-view’ masyarakat
- ii. Pengajaran dan iktibar (Manfaat)

### **5.1.1 ‘World-view’ Masyarakat**

Mohd Taib (1988:334) mengatakan bahawa sastera rakyat adalah:

*"Ekspresi budaya yang menggunakan bahasa yang mempunyai hubungan langsung dengan aspek-aspek budaya seperti ugama dan kepercayaan, undang-undang, keperluan masa lapang, kegiatan ekonomi, sistem kekeluargaan, susunan nilai-nilai sosial".*

Berdasarkan kepada kenyataan tersebut maka cerita Mak Yong boleh digolongkan sebagai sastera rakyat. Ia diperturunkan secara lisan dan lahir ditengah-tengah masyarakat tani dan nelayan yang hidup secara sederhana (simple society). Cara hidup sederhana ini mendorong kepada keperluan kegiatan-kegiatan bersama bagi tujuan keselamatan dan keseronokan untuk mengisi masa lapang. Cerita-cerita Mak Yong juga mempunyai hubungan dengan nilai-nilai keagamaan, kepercayaan, kekeluargaan dan sebagainya. Penghasilan sebarang bentuk karya seni dalam masyarakat adalah berdasarkan kepada sistem pemikiran dan cara hidup masyarakat yang dikenali sebagai 'moral arts'. Kesenian ini lahir berdasarkan kepada keperluan yang khusus umpamanya bagi tujuan ekonomi, kepercayaan dan sebagainya. Unsur-unsur magis dan shamanisme yang terdapat dalam cerita-cerita Mak Yong secara langsung mencerminkan sikap, cara hidup, falsafah dan pemikiran masyarakat Melayu pada zaman itu.

Kegiatan ekonomi yang banyak bergantung kepada faktor alam dan dorongan kepercayaan kepada animisme melahirkan satu bentuk kepercayaan yang diistilahkan sebagai 'folk-belief' yang bercirikan kepercayaan warisan. 'Folk-belief' adalah berbeza dari agama yang dianuti. Dalam cerita-cerita Mak Yong terdapat nilai-nilai intrinsik yang merupakan kepercayaan warisan yang bersifat 'magis religious' dan juga kepercayaan yang berlandaskan kepada ajaran Islam. Walaupun terdapat adat istiadat yang menjadi satu keperluan namun ia tetap dikatakan berada dibawah kekuasaan Allah Yang Esa.

Sebagai contoh kita dapat lihat bahawa pada setiap persembahan Mak Yong akan dimulakan dengan upacara ‘buka panggung’ dan ‘mengadap rebab’. Puan Khatijah Awang, primadona Mak Yong menjelaskan bahawa kedua-dua upacara ini diadakan bertujuan memberi semangat dan keyakinan kepada pelakon dan pemuzik yang mengambil bahagian agar dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran persembahan dan dapat melaksanakan persembahan dengan lancar dan teratur. Upacara yang diadakan hanya merupakan satu simbol. Namun begitu pada hakikatnya mereka bermohon kepada Allah agar tidak ditimpa sebarang malapetaka ketika membuat persembahan. Oleh yang demikian dapat dikatakan bahawa nilai-nilai Islam berjalan seiring dengan adat warisan.

#### i. Kepercayaan Animisme

Dalam masyarakat tradisi alam Melayu, konsep adat memancarkan hubungan yang mendalam lagi bermakna antara sesama manusia dan manusia dengan alam sekitarnya termasuk alam tabii, sosial dan alam ghaib. Kepercayaan animisme terkandung dengan jelasnya dalam sistem kepercayaan masyarakat Melayu tradisi. Sistem pemikiran masyarakat Melayu terhadap kepercayaan animisme sangat jelas digambarkan melalui cerita-cerita Mak Yong. Antaranya ialah:

##### a) Kewujudan Dua Alam

Cerita-cerita Mak Yong seringkali memaparkan kewujudan dua alam iaitu alam nyata (tabii) dan alam ghaib. Alam nyata ialah alam dunia yang dihuni oleh manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan manakala alam ghaib ialah alam yang tidak dapat dilihat

dengan mata kasar dan dihuni oleh makhluk-makhluk yang juga tidak dapat dilihat dengan mata kasar seperti jin, hantu, dewa, syaitan dan lain-lain makhluk yang dikatakan sebagai makhluk halus. Dengan kata lain, alam ghaib ialah alam yang dapat digambarkan melalui ilusi seperti alam kayangan. Alam kayangan merupakan alam di mana dihuni oleh Dewa-Dewa dan Dewi-Dewi. Ini bersesuaian dengan perkataan ‘kahyangan’ atau ‘hyang’ yang bererti Dewa. Selain dari itu dikisahkan juga penghuni dasar lautan.

Dalam cerita Raja Tangkai Hati dikisahkan bahawa Dewa Betara Guru tinggal di kayangan manakala Mak Ikan Jerung tinggal di lautan. Dalam cerita yang lain seperti cerita Gading Bertimang dikisahkan bahawa Raja Bentara Oma dan Raja Karma Jaya putera Raja Besar yang hilang semas kecil, tinggal di kayangan sebagai dewa manakala Tuan Puteri Ratna Mas dalam cerita Dewa Muda dikisahkan sebagai tinggal di kayangan. Raja Naga Laut dalam cerita Anak Raja Gondang dikisahkan sebagai maharaja di dasar laut.

Dalam cerita Raja Tangkai Hati dipaparkan bahawa kegagalan baginda menunaikan janji untuk mengahwini Puteri Bota menimbulkan kemurkaan puteri tersebut. Sementara itu Dewa Betara Guru yang bertapa di kayangan dapat merasai sesuatu yang tidak baik berlaku di dunia. Begitu juga dalam Raja Bijak Laksana yang mengisahkan baginda mendapat bencana setelah memetik bunga putih yang terapong di tasik di dalam Taman Banjaran Sari. Cerita Dewa Muda yang mengisahkan baginda telah memakan buah-buahan yang terdapat dalam taman Tuan Puteri Ratna Mas di kayangan tanpa meminta keizinan terlebih dahulu menyebabkan baginda ditimpah bencana.

Pemaparan isu kedua-dua alam dan hubungannya menggambarkan kepercayaan masyarakat ketika itu tentang kewujudannya. Mereka percaya bahawa kedua-dua makhluk yang menghuni alam ini saling berhubungan. Kegagalan manusia menghormati penghuni alam lain akan mendatangkan bencana dan malapetaka kepada manusia. Oleh itu mereka mengadakan pelbagai upacara bagi menggembirakan penghuni alam ghaib agar tidak mengganggu dan dapat membantu mereka umpamanya dalam menambahkan hasil pertanian atau tangkapan ikan.

#### **b) Kewujudan Pelbagai Makhluk**

Masyarakat Melayu tradisi percaya akan kewujudan dewa sebagai makhluk Allah yang bersifat kudus. Dewa ini wujud sebagai penyelamat manusia yang terancam akibat hilang pertimbangan. Kewujudan dewa sebagai penyelamat sangat ketara penonjolannya dalam cerita-cerita Mak Yong. Sebagai contoh, kemunculan Dewa Betara Guru yang bertapa dikayangan dalam cerita Raja Tangkai Hati berperanan sebagai penyelamat kepada kekusutan dalam hubungan kekeluargaan Raja Tangkai Hati. Dengan bantuan Dewa Betara Guru, kedua-dua anakanda Raja Tangkai Hati berjaya kembali ke bahtera ayahanda mereka untuk melihat apa yang terjadi ke atas ayahanda mereka ketika bersama Puteri Bota.

Kewujudan watak Puteri Bota dalam cerita ini memperlihatkan pandangan masyarakat Melayu ketika itu terhadap wujudnya makhluk lain. Puteri Bota digambarkan dalam cerita ini sebagai makhluk dari golongan jin. Jin pula seringkali digambarkan sebagai makhluk yang jahat. Namun begitu terdapat juga kepercayaan bahawa dalam

golongan jin terdapat juga jin yang kudus sifatnya. Tetapi dalam cerita ini digambarkan Puteri Bota sebagai jin yang jahat dan bersifat bengis serta menggugat keharmonian kehidupan manusia. Dalam cerita Anak Raja Gondang pula dikisahkan Raja Naga Laut sebagai jin yang baik dan memberi bantuan kepada Anak Raja Gondang ketika dalam kesusahan.

### c) Kewujudan Kuasa Luar Biasa

Masyarakat Melayu percaya akan kewujudan kuasa-kuasa luar biasa bagi tujuan kebaikan dan kejahatan. Kuasa luar biasa ini berupaya mempengaruhi kehidupan manusia. Dalam kehidupan seharian, masyarakat Melayu percaya adanya roh, semangat dan lain-lain yang boleh mempengaruhi kehidupan mereka samada dari segi ekonomi dan kesihatan. Oleh yang demikian bagi mengelakkan dari terjadinya sesuatu perkara yang boleh memudaratkan, mereka sentiasa berhati-hati dalam apa juga tindakan. Hal ini amat ketara dalam cerita Raja Tangkai Hati yang mengisahkan Raja Tangkai Hati dipukau oleh Puteri Bota. Selain dari itu dalam cerita Bijak Laksana pula dikisahkan bagaimana baginda diseru setelah memetik bunga putih ketika mandi air tasik di Taman Banjaran Sari.

Selain dari itu mereka juga percaya akan kebolehan seseorang dalam mentafsir atau melihat apa juga yang sedang dan akan terjadi. Konsep ini dikaitkan dengan ‘pawang’ atau ‘bomoh’ yang dikatakan sebagai orang perantaraan dan penyelamat. Perkara seperti ini sememangnya ditonjolkan dalam cerita-cerita Mak Yong.

Dalam cerita Raja Tangkai Hati, Dewa Betara Guru mempunyai kuasa luar biasa di mana dia boleh mentransformasikan bentuk fizikal kedua-dua putera raja dari manusia menjadi dua biji ‘teritip’ iaitu siput laut dalam usaha untuk membolehkan kedua-dua putera tersebut melihat keadaan ayahanda mereka. Dewa Betara Guru juga berkebolehan memulihkan semula kedua-dua putera tersebut menjadi manusia. Sebagai makhluk yang kudus, Dewa Betara Guru juga berkebolehan luar biasa untuk melihat apa yang telah, sedang dan akan terjadi. Ini dapat dilihat apabila ia menceritakan kepada kedua-dua putera mengenai lokasi dan keadaan bonda mereka yang berada dalam tawanan Puteri Bota. Hasil keterangan ini telah dapat membantu kedua-dua putera tersebut menjelaki dan menyelamatkan bonda mereka.

Puteri Bota pula digambarkan mempunyai kuasa luar biasa yang mengancam kehidupan manusia. Kegagalan Raja Tangkai Hati mengotakkan janjinya kepada Puteri Bota telah menimbulkan kemarahan Puteri Bota dan berhasrat untuk membalias dendam. Beliau menggunakan berkebolehannya seperti menjelmakan sekuntum bunga, menghalang pelayaran bahtera Raja Tangkai Hati dan menukar wajahnya bagi tujuan membalias dendam. Setelah berjaya memperdayakan kedua-dua putera Raja Tangkai Hati dengan bunga jelmaannya, beliau telah menculik Puteri Cempaka Emas. Dengan kuasa luar biasa yang ada pada dirinya, beliau menukar tubuh Puteri Cempaka Emas sekerat manusia sekerat mawas dan menukar wajah beliau dan bentuk badannya menyerupai Puteri Cempaka Emas bagi membolehkan beliau mendampingi, memperdaya dan mempengaruhi Raja Tangkai Hati.

#### d) Kewujudan Hubungan Antara Manusia Dengan Kuasa Luar Biasa

Hubungan manusia dengan kuasa luar biasa wujud melalui seruan-seruan magis seperti jampi, mentera dan sumpahan. Sebagai contoh, dalam cerita Raja Tangkai Hati dipaparkan keistimewaan yang terdapat pada Raja Tangkai Hati berkomunikasi dengan unsur-unsur alam yang lain seperti angin. Bagi memulakan pelayaran menuju ke negara ayahandanya, baginda telah diminta oleh Peran untuk memohon angin lalu baginda mengujudkan hubungan dengan angin melaui seruan :

*"Maka yaalah diri aku Raja Tangkai Hati antara ka saorang. Maka baiklah di sini tempat pulanya aku nak berdiri akan kaki tunggal aku nak meminta angin barat selatan daya ribut angin barat tenggara muda turun pada waktu ini ketika ni pulanya".*

(Raja Tangkai Hati 1999: 15)

Pak yong kemudiannya menyanyikan lagu sedayong Pak Yong dan seterusnya memerintahkan peran memulakan pelayaran kerana baginda telah menyeru angin supaya bertiup lembut mengiringi pelayaran.

Satu lagi contoh hubungan antara manusia dengan kuasa luar biasa ialah kebolehan luar biasa yang ada pada putera Malim Bisnu berkomunikasi dengan haiwan. Malim Bisnu telah menyeru Mak Ikan Jerung supaya timbul dipermukaan lautan bagi membawa baginda dan adindanya Malim Bongsu untuk kembali ke bahtera ayahandanya bagi membunuh Puteri Bota dan mengambil darahnya untuk menyemah bondanya supaya dapat pulih seperti sediakala. Seruan baginda telah didengari oleh Mak Ikan Jerung dan kemudiannya telah menjadi kenderaan kepada kedua-dua putera tersebut merentasi lautan menuju ke bahtera Raja Tangkai Hati. Hal yang sama juga dikisahkan dalam cerita yang lain.

## **ii. Perbezaan Darjat Antara Manusia**

Masyarakat Melayu tradisi percaya bahawa keturunan raja-raja mempunyai keadaulatan dan darjat yang mulia. Oleh kerana kemuliaan ini mereka mempunyai keistimewaan tertentu yang tidak dimiliki oleh golongan rakyat biasa. Dalam cerita-cerita Mak Yong sering diketengahkan gambaran keistimewaan yang dianugerahkan kepada golongan raja-raja seperti kebolehan berinteraksi dengan unsur-unsur alam yang lain sebagaimana yang dibincangkan sebelum ini. Kebolehan Raja Tangkai Hati berkomunikasi dengan angin, kebolehan Putera Malim Bisnu berkomunikasi dengan Mak Ikan Jerung dan Dewa Betara Guru serta kebolehan Puteri Cempaka Emas mentafsirkan bencana yang akan menimpa dirinya sekeluarga dan lain-lain lagi, menunjukkan kelebihan ini.

Selain dari mempunyai kelebihan, golongan raja juga digambarkan mempunyai darjat dan kemuliaan. Dalam cerita Mak Yong digambarkan raja dan putera-putera raja mempunyai paras rupa yang cantik dan menawan serta berkeperibadian mulia. Peribadi mulia ini dipancarkan melalui gerak laku, gaya pertuturan dan perkataan yang diucapkan. Walaupun persembahan Mak Yong bersifat improvisasi namun para pelakon berupaya menguasai atau membawa watak dengan sempurna. Golongan atasan menuturkan bahasa yang bermutu dan penuh kesopanan manakala golongan rakyat yang diwakili oleh watak peran, dayang dan orang kampung sering mengungkapkan bahasa pasar dan kasar seperti bodoh, gila, mampus dan lain-lain.

Dari sini jelas memperlihatkan perbezaan secara peribadi antara dua golongan manusia yang menduduki hiraki yang berbeza dalam masyarakat. Dengan sikap orang

Melayu tradisi yang sangat menghormati dan mengagungkan golongan raja-raja, maka tidak hairanlah mengapa cerita-cerita Mak Yong mengandungi kisah raja-raja yang mengagung-agungkan kehebatan dan keperibadian mulia raja-raja. Raja merupakan pancaran kehidupan yang paling tinggi bagi mereka. Raja juga dianggap sebagai payung dan pelindung kepada rakyat.

### **iii. Struktur Sosial Masyarakat**

Melalui cerita Mak Yong kita dapat melihat struktur sosial masyarakat Melayu tradisi. Pemimpin dilambangkan dengan institusi beraja. Raja merupakan pemimpin yang dilantik berdasarkan keturunan. Mereka juga dikatakan mempunyai daulaut. Raja-raja ini dimuliakan dengan diberikan gambaran yang melebihi manusia lain seperti mempunyai kebolehan dan kelebihan luar biasa. Ini terjadi kerana dalam masyarakat Melayu, pemimpin merupakan jawatan yang paling mulia yang hanya layak dipegang atau dijawat oleh individu yang mempunyai keistimewaan dan kelebihan tertentu. Atas dasar inilah maka raja atau pemimpin negara sangat dihormati.

Dalam cerita Mak Yong, raja sering digambarkan mempunyai kuasa istimewa iaitu dari segi kekuatan fizikal dan kebolehan berkomunikasi dengan makhluk lain seperti angin, dewa, jin, dan haiwan. Golongan raja juga digambarkan mempunyai rupa paras yang cantik dan dilengkапkan dengan pakaian dan perhiasan yang indah-indah. Ciri-ciri keberanian dan kepahlawanannya juga dimiliki oleh golongan raja-raja. Keberanian dan kegagahan raja dipancarkan dalam cerita Raja Tangkai Hati melalui kejayaan putera Malim Bisnu yang masih muda mengalahkan dan membunuh Puteri Bota. Hal yang

sama juga diutarakan dalam cerita Anak Raja Gondang yang menggambarkan Setiap anak Mak Inang Kurang Se Empat Puluh yang bermain ‘Raja-Raja’ cuba menjadi raja ketika bermain akan terkena tulah kecuali Anak Raja Gondang yang sebenarnya berasal keturunan raja.

#### **iv. Menghormati Kedudukan Individu Dalam Masyarakat**

Dalam struktur organisasi masyarakat Melayu tradisi terdapat kedudukan dan peranan yang dimainkan oleh setiap individu. Struktur yang paling kecil ialah keluarga. Dalam sebuah keluarga, bapa merupakan kedudukan yang paling tinggi diikuti oleh ibu. Oleh yang demikian setiap ahli keluarga menghormati bapa sebagai ketua keluarga. Perkara ini ditonjolkan dalam cerita-cerita Mak Yong.

Dalam cerita Raja Tangkai Hati digambarkan bahawa baginda amat dihormati oleh permaisuri dan putera-puteranya. Sementara itu baginda pula menghormati ayahanda dan mertuanya. Penghormatan ini ditonjolkan melalui gaya pertuturan, perkataan dan tindakan seperti meminta izin sebelum mengadap dan merapat sembah apabila bertemu. Selain itu kita dapat melihat dalam apa juga pergerakan, raja akan mendahului diikuti oleh permaisuri, putera-puteranya dan peran. Ini menunjukkan tanda penghormatan terhadap kedudukan individu dalam organisasi.

Dalam konteks pemimpin dengan rakyat, jelas tergambar adat kesopanan ini. Sebagaimana yang disebutkan tadi bahawa penghormatan ini digambarkan melalui gaya pengucapan, perkataan dan gerak atau aksi. Dalam cerita Raja Tangkai Hati dapat kita lihat bahawa sebagai tanda hormat, peran tidak membantah perintah raja. Peran tidak

berani menghalang tindakan Raja Tangkai Hati menghukum dengan memukul putera-puteranya dan mencampakkannya ke dalam laut kerana enggan mengakui Puteri Bota sebagai bonda mereka. Sebagai orang suruhan dan penasihat raja, Peran hanya bertindak merayu kepada raja dan melindungi putera-putera tersebut dari terus dipukul. Peran dapat merasai kehadiran Puteri Bota tetapi tetap menghormatinya sebagai permaisuri raja kerana berpegang kepada adat menghormati kedudukan individu dalam masyarakat.

Jelasnya, pemimpin dalam masyarakat melayu tradisi adalah orang-orang yang dihormati dan dilantik atas kelebihan yang ada pada dirinya. Pawang atau bomoh sering dipilih manjadi pemimpin masyarakat. Ini kerana keupayaan mereka menyelesaikan masalah yang mengganggu-gugat keharmonian samada ancaman secara kasar atau halus.

### **5.1.2 Pengajaran Dan Iktibar**

Dalam Bab 4 kita telah membincangkan komposisi bentuk yang melahirkan estetika sesebuah karya. Estetika yang diterbitkan oleh kesatuan dalam kepelbagaiannya dapat dilihat melalui pengajaran dan iktibar yang tersembunyi disebalik kisah-kisah yang dipaparkan. Sebagaimana keindahan pada struktur dan bentuk, karya juga mengandungi keindahan dari sudut mesej tersirat yang dipaparkan bagi ditafsirkan oleh khalayak. Ini bersesuaian dengan sifat karya seni yang memberi ruang untuk ditafsirkan. Jerome Stonitz (dalam Zakaria Osman, 1997:599) ada menjelaskan bahawa :

*“.....selective, attention and interpretation are present in the experience of art .....*

Orang Melayu amat menyanjung tinggi, memelihara dan mengutamakan kehidupan rohani. Oleh yang demikian, ajaran-ajaran moral merupakan fokus dalam

kehidupan yang seringkali dipaparkan samada secara langsung atau tidak langsung. Aspek kehidupan rohani bukan sahaja menjadi amalan kehidupan tetapi juga dilahirkan di dalam hasil-hasil karya yang menjadi tontonan dan warisan bangsa. Oleh yang demikian, selain menikmati estetika dari segi hiburan, hasil karya seni khususnya kesenian tradisional menyajikan khalayak dengan estetika dari sudut moral. Dalam meneliti cerita Mak Yong Raja Tangkai Hati, ditonjolkan beberapa pengajaran moral yang tersembunyi di dalamnya. Antaranya ialah :

**i. Menunaikan Janji**

Raja Tangkai Hati telah berjanji untuk mengahwini Puteri Bota. Namun begitu, baginda telah mengahwini Puteri Cempaka Emas setelah terpikat dengan kecantikan dan budi bahasanya. Perbuatan tersebut menimbulkan kemarahan Puteri Bota dan dia berhasrat untuk membala dendam. Akibat dendam yang membara, Puteri Bota telah mengganggu kebahagian Raja Tangkai Hati sekeluarga.

Mesej yang cuba disampaikan kepada khalayak ialah supaya sentiasa berpegang pada janji. Memungkiri janji adalah satu tindakan yang tidak bermoral. Ia memberi kesan negatif kepada kedua-dua pihak. Pihak yang dijanjikan akan merasa kecewa manakala pihak yang berjanji akan mendapat balasan. Bencana akan menimpa diri orang yang memungkiri janji. Perumpamaan Melayu juga menegaskan konsep janji ini yang berbunyi, ‘Kerbau dipegang tali, manusia dipegang pada janji’.

## **ii. Menjauhi Sifat Dendam Dan Iri Hati**

Dendam bukan sahaja memusnahkan orang lain tetapi juga memusnahkan diri sendiri. Akibat dendam terhadap Raja Tangkai Hati, jiwa Puteri Bota berada dalam keadaan tidak tenteram. Api dendam dalam jiwanya menyebabkan dia membuat undang-undang sendiri untuk menghukum Raja Tangkai Hati. Dia merasa gembira setelah berjaya memecahbelahkan keluarga Raja Tangkai Hati. Puteri Bota telah menculik Puteri Cempaka Emas, menyumpahnya menjadi sekerat manusia sekerat mawas serta memukau dan mempengaruhi Raja Tangkai Hati supaya menyayanginya dan membuang kedua anakanda baginda ke dalam laut. Dendam dan sumpahan ini akhirnya membawa padah kepada dirinya. Dia telah dibunuh oleh Putera Malim Bisnu untuk mendapatkan darahnya bagi memusnahkan sumpahan ke atas Puteri Cempaka Emas. Perasaan dendam dan cemburu itu telah diberikan balasan yang setimpal.

Mesej yang cuba disampaikan melalui adegan ini ialah supaya setiap anggota masyarakat menjauhi sifat dendam dan iri hati. Dalam konteks masyarakat Melayu tradisi yang menjalankan kegiatan ekonomi secara kumpulan, sifat dendam dan iri hati ini boleh membawa kepada perpecahan. Ini kerana kerjasama yang baik, perpaduan dan kesepakatan amat perlu bukan sahaja bagi kegiatan ekonomi malahan juga bagi tujuan keselamatan. Berpegang kepada akal dan iman membantu manusia mengawal api dendam dan kemarahan yang bergelora dalam jiwa. Dengan kata lain sikap saling menghormati dan saling bermaafan perlu ada dalam diri setiap individu bagi mengekalkan keharmonian. Cerita Mak Yong memaparkan tauladan ini kepada setiap khalayak.

### **iii. Hidup Berkasih Sayang Dan Saling Menghormati**

Kasih sayang amat penting dalam membentuk keluarga yang bahagia dan harmoni. Kasih sayang dimaksudkan bukan hanya antara suami-isteri, ibu bapa dengan anak-anak malahan meliputi kasih sayang antara ketua dengan pekerja/pengikut. Cerita-cerita Mak Yong cuba menyampaikan mesej ini kepada Khalayak. Dalam cerita Raja Tangkai Hati, dipaparkan kasih sayang yang tidak berbelah bagi antara cerita Raja Tangkai Hati dengan permaisurinya Puteri Cempaka Emas. Kasih sayang ditonjolkan melalui perkataan dan gaya pengucapan. Selain dari itu dipaparkan juga kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya.

Dalam cerita Raja Tangkai Hati, Puteri Cempaka Emas memandikan putera-puteranya sambil membela dan menyanyi dengan penuh rasa kasih sayang. Ini digambarkan melalui dialognya :

*“Maka yalah diri aku Tuan Puteri Cempaka Emas antara kesorangan. Maka baiklah di sini tempat diri aku nak menjirus diri anak aku berdua Malim Bisnu dan Malim Bongsu nak bersiram di kolam Jung abang pada diri aku ni pulanya”.*

(Raja Tangkai Hati 1999 : 103)

Perbuatan ini diiringi dengan ‘lagu bersiram’ yang sangat menyentuh perasaan dan melahirkan suasana yang tenteram. Selain dari itu baginda sanggup berkorban bagi memenuhi kehendak putera-puteranya. Baginda sanggup memetik bunga jelmaan Puteri Bota demi memenuhi keinginan Malim Bongsu walaupun menyedari bencana yang akan menimpa.

Masyarakat Melayu amat mementingkan hidup berkasih sayang bagi mewujudkan keharmonian dalam kehidupan. Oleh itu kasih sayang sesama makhluk dipaparkan dalam

cerita-cerita Mak Yong. Cerita-cerita Mak Yong mengisahkan lebih dari satu makhluk menduduki alam ini. Dalam cerita Raja Tangkai Hati, ditonjolkan kasih sayang di antara raja dengan pengasuh. Raja dan peran boleh bergurau senda sedangkan hakikatnya darjat mereka berbeza. Ini menunjukkan wujudnya hubungan kasih sayang dan persahabatan sesama manusia. Selain dari itu sikap saling menghormati antara satu sama lain ditekankan dalam persembahan Mak Yong.

#### **iv. Berani Kerana Benar**

Cerita-cerita Mak Yong mengajar kita bercakap benar. Dalam cerita Raja Tangkai Hati, jelas memaparkan pekerti ini. Putera Malim Bisnu dan Malim Bongsu berani tidak mengakui Puteri Bota sebagai bonda mereka walaupun mengetahui kemurkaan ayahandanya. Mereka sanggup menerima hukuman demi menegakkan kebenaran. Mereka tetap dengan pendirian walaupun dipukul dan dibuang ke laut oleh ayahandanya serta berani mengharungi dugaan bagi mencari bukti kebenaran. Keberanian ini harus dicontohi oleh khalayak. Sifat berani kerana benar adalah sifat terpuji yang terdapat pada para Nabi dan rasul. Oleh yang demikian sifat terpuji ini dipertontonkan untuk disemai dalam diri setiap insan didunia ini.

#### **v. Mendengar Nasihat**

Masyarakat Melayu sebagaimana yang dibincangkan tadi amat menghormati kedudukan individu dalam masyarakat dan saling menghormati. Orang yang lebih tua dihormati, manakala orang yang lebih muda mesti mendengar nasihat orang yang lebih

tua. Perumpamaan Melayu berbunyi ‘orang yang lebih tua lebih dahulu makan garam’. Ini melambangkan mereka banyak pengalaman hidup dan telah melalui apa yang akan dilalui oleh orang yang lebih muda. Asam garam hidup hanya dapat diperolehi melalui pengalaman.

Dalam cerita Raja Tangkai Hati, keengganan Malim bongsu mendengar nasihat bondanya supaya melupakan bunga jelmaan Puteri Bota tidak diindahkan oleh Malim Bongsu. Akibat dari itu, Malim Bongsu kehilangan bondanya. Apa yang cuba disampaikan di sini ialah supaya nasihat orang yang lebih tua dan berpengalaman dipatuhi untuk mengelakkan dari sebarang mala petaka. Oleh itu, generasi muda harus menghormati dan mengambil kira pandangan dan nasihat generasi tua untuk kebaikan.

#### **vi. Hidup Bermufakat**

Masyarakat Melayu tradisi percaya akan kewujudan makhluk lain yang boleh mempengaruhi kehidupan manusia. Oleh itu ditonjolkan kerjasama dan saling bergantungan antara satu sama lain. Penjelmaan Dewa Betara Guru dari alam kayangan ke dunia hanyalah semata-mata untuk menyelamatkan putera raja dan keluarga raja seluruhnya. Dewa Betara Guru telah menyelamatkan kedua-dua putera raja dari lemas dilautan. Tindakan ini menunjukkan wujudnya kerjasama dan sifat berbuat baik antara satu sama lain. Selain dari itu kemunculan Mak Ikan Jerung pula menunjukkan wujudnya kerjasama dan saling membantu antara dua makhluk yang berbeza iaitu haiwan dan manusia.

Dari sini jelas apa yang cuba disampaikan ialah supaya manusia sentiasa berbuat baik antara satu sama lain dan juga berbuat baik serta menghormati makhluk lain. Sikap berbuat baik antara satu sama lain merupakan sifat yang terpuji. Sesuai dengan corak kehidupan masyarakat Melayu tradisi yang mengamalkan sistem ekonomi bersama, maka berbaik-baik sesama makhluk atau hidup bersepakat merupakan amalan yang perlu diperaktikkan. Ini kerana mereka percaya wujudnya hubungan antara manusia dengan tanah, laut, haiwan, alam kayangan dan lain-lain. Selain menghormati sesama insan, setiap insan juga harus mempunyai perasaan menghormati makhluk alam nyata dan alam ghaib kerana dipercayai mereka juga mempunyai perasaan seperti manusia. Dengan adanya prinsip hidup sepakat antara satu sama lain akan dapat menghasilkan sesuatu yang menguntungkan atau dengan kata lain sepakat membawa berkat.

## **5.2 HUBUNGAN OBJEK SENI DENGAN EMOSI**

Estetika isi dalam sesebuah karya seni boleh dilihat melalui dua pendekatan. Pendekatan yang pertama ialah berhubung dengan kemampuannya dalam memberi kepuasan dan keseronokan yang menyentuh penglibatan emosi. Manakala pendekatan kedua adalah berhubung dengan kesan atau manfat dari karya tersebut yang dapat mendidik, menyedarkan dan membentuk peribadi khalayak.

Makna muncul hasil dari hubungan yang wujud antara objek seni dengan pengamatnya. Aristotle mengatakan bahawa karya seni adalah satu peniruan wujud berlandaskan kepada naluri semulajadi manusia yang suka meniru. Walau bagaimanapun peniruan secara langsung boleh menimbulkan kebosanan. Oleh yang demikian karya-

karya seni digarap dengan sentuhan kreatif pengarang bagi menjadikan ia lebih menarik dan menyeronokkan. Sentuhan kreatif ini bersesuaian dengan latar masa, persekitaran dan berupaya menghiburkan. Gabungan elemen kreatif dan peristiwa sebenar berupaya meningkatkan nilai estetika karya seni sehingga dapat merangsang emosi khalayak untuk terlibat sama dalam persembahan tersebut. Prof. Aiken (dalam Zakaria Osman, 1997:290) mengatakan :

*“.....The relation between the object and (expressed) emotion is not on of means and end at all, but rather, of mutually supporting components within a relational whole”.*

Dalam membangkitkan sesuatu pernyataan bagi menyerlahkan estetiknya, diakui wujudnya hubungan yang erat antara khalayak (panikmat) dengan objek seni (karya). Oleh yang demikian khalayak hanya berupaya menikmati estetika hasil seni (karya) tersebut dengan menghayati secara menyeluruh dan semata-mata menumpukan kepada keindahan karya tanpa mempunyai lain-lain tujuan. Penghayatan secara menyeluruh akan menimbulkan rasa khusyuk sehingga mewujudkan hubungan antara rohani (emosi) khalayak dengan persoalan dan peristiwa yang dipaparkan dalam persembahan. Kesan emosi ini bukan sahaja kepada khalayak malah melibatkan emosi pelakon dalam membawa peranannya. Oleh itu Aristotle mengatakan bahawa penglibatan emosi dalam berkarya menunjukkan bahawa karya merupakan satu ‘Kartasis’ atau satu alternatif bagi memberi ruang pembersihan akhlak dalam masyarakat.

Estetika persembahan Mak Yong dapat dinikmati oleh khalayak melalui pancaindera, penglihatan, pendengaran dan pemerhatian. Gabungan ketiga-tiga ini dapat memudahkan khalayak memahami dan menyelami persoalan/ isi hingga boleh memberi

kepuasan dan keseronokan. Peristiwa-peristiwa yang dipaparkan dalam cerita-cerita Mak Yong yang melibatkan emosi khalayak sehingga merangsang minat, antaranya ialah :

**i. Peristiwa Yang Indah Dan Menyenangkan**

Cerita-cerita Mak Yong berkisar kepada kisah raja-raja dan golongan istana. Kita sedia maklum bahawa golongan istana merupakan golongan yang dianggap tinggi darjatnya dan dilimpahi dengan kemewahan. Pemaparan suasana diistana seperti singgahsana, pakaian-pakaian raja, permaisuri dan putera-puteri raja yang berwarna-warni dan lengkap dengan perhiasan yang indah dan berkilauan memberi satu suasana yang menarik dan menyenangkan. Khalayak akan mengalami satu ketakjuban dan khusyuk sehingga merasakan bahawa mereka berada di dalam kawasan istana dan dikalangan golongan istana. Suasana yang menyenangkan ini memberi ketenangan emosi khalayak yang mendorong mereka untuk terus mengikuti peristiwa selanjutnya.

**ii. Peristiwa Yang Menimbulkan Ketegangan Dan Keresahan**

Kemunculan Puteri Bota dengan hasratnya untuk membala dendam terhadap Raja Tangkai Hati yang memungkiri janji untuk mengahwininya telah menimbulkan ketegangan dan kerasahan dalam emosi khalayak. Khalayak seolah-olah dapat merasakan bahawa kebahagiaan yang dikecapi oleh Raja Tangkai Hati sekeluarga akan tergugat. Khalayak merasakan ketegangan dan keresahan serta tertanya-tanya apakah bentuk tindakan yang akan diambil oleh Puteri Bota bagi tujuan bagi membala dendamnya.

Satu lagi peristiwa yang menimbulkan ketegangan dan keresahan ialah apabila anakanda Malim Bongsu mendesak ibunya untuk memtik bunga yang dijelmakan oleh Puteri Bota. Konflik antara pengorbanan dan kasih sayang ibu menimbulkan keresahan pada emosi khalayak. Khalayak merasakan ketegangan akan akibat yang manimpa Puteri Cempaka Emas sekiranya beliau memetik bunga tersebut.

Satu lagi peristiwa yang menimbulkan keresahan khalayak ialah apabila Puteri Bota berjaya mempengaruhi dan meyakinkan Raja Tangkai Hati bahawa beliau adalah Puteri Cempaka Emas yang sebenar. Khalayak tertarik untuk mengikuti apakah yang akan terjadi selanjutnya. Tarikan ini menunjukkan kesan estetika persembahan kepada khalayak.

Ketiga-tiga peristiwa tadi adalah antara peristiwa-peristiwa yang dipaparkan yang mempunyai estetika tersendiri dari aspek penglibatan emosi khalayak dari sudut timbulnya ketegangan dan keresahan dan selanjutnya mendorong minat mereka untuk mengikuti peristiwa seterusnya.

### **iii. Peristiwa Yang Mengejutkan**

Peristiwa kemunculan Puteri Bota mengejutkan khalayak. Dengan wajah yang bengis dan bertaring serta pergerakan yang kasar dan pantas menimbulkan satu kesan emosi yang mengejutkan dan menakutkan. Selain dari itu tindakan Raja Tangkai Hati memukul dan membuang putera-puteranya ke dalam laut juga mengejutkan kerana dalam peristiwa sebelumnya beliau digambarkan sebagai ayah yang penyayang dan pemimpin

yang bertimbang rasa. Tindakan tersebut telah menimbulkan kesan emosi pada khalayak dan menggambarkan kesan estetika seni itu terserlah.

#### **iv. Peristiwa Yang Menimbulkan Kemarahan**

Desakan Putera Malim Bongsu agar bondanya Puteri Cempaka Emas memetik bunga jelmaan Puteri Bota telah menimbulkan rasa marah dihati khalayak. Malim Bongsu telah diberitahu oleh bondanya bahawa mereka akan terpisah buat selamanya sekiranya beliau memetik bunga tersebut dan mengingatkan kedua-dua anakandanya supaya tidak menyesal. Walaupun mengetahui akibat yang akan menimpak dan telah dinasihati oleh kekandanya Malim Bisnu namun Malim Bongsu tetap mendesak mahukan bunga tersebut. Kedegilannya ini telah menimbulkan kemarahan dalam emosi khalayak.

#### **v. Peristiwa Yang Menimbulkan Kesedihan Dan Kepiluan**

Satu lagi kesan estetika peristiwa terhadap emosi khalayak ialah peristiwa yang menimbulkan kesedihan dan kepiluan. Peristiwa Raja Tangkai Hati memukul anakandanya sebagai hukuman kerana keengganannya mereka mengakui Puteri Bota yang menyerupai Puteri Cempaka Emas sebagai bonda amat memilukan dan menyedihiakan. Keengganannya baginda mendengar rayuan anakandanya dan keengganannya baginda memberi peluang kepada anakandanya untuk membuat penjelasan menimbulkan rasa sedih dan pilu dihati khalayak. Baginda yang sangat menyayangi anakandanya sebelum ini mengambil tindakan membuang anakandanya ke dalam laut tanpa rasa belas dan kasihan.

Ratapan, rayuan dan tangisan kedua-dua putera dan Peran amat menyentuh emosi khalayak.

Satu lagi peristiwa ialah ketika Puteri Bota melarikan Puteri Cempaka Emas. Selain dari tangisan kedua-dua puteranya, rayuan Puteri Cempaka Emas memohon dirinya dibebaskan oleh Puteri Bota juga menimbulkan suasana yang memilukan. Tindakan kasar Puteri Bota dan tangisan Puteri Cempaka Emas menimbulkan suasana sedih dan menyerlahkan estetika suasana itu serta meninggalkan kesan yang mendalam pada khalayak.

#### **vi. Peristiwa Yang Menimbulkan Suasana Cemas Dan Ngeri**

Peristiwa Puteri Cempaka Emas dilarikan oleh Puteri Bota ketika memetik bunga di kolam Jung Ayah menimbulkan suasana cemas dan ngeri. Kesan bunyi dan asap menambahkan lagi suasana cemas dihati penonton walaupun penonton telah mengetahui sesuatu perkara akan terjadi ke atas Puteri Cempaka Emas sekiranya memetik bunga tersebut. Secara emosi khalayak merasa ngeri dan cemas apabila Puteri Cempaka Emas bertukar rupa sekerat manusia sekerat mawas hasil dari sumpahan Puteri Bota.

Satu lagi peristiwa yang mencemaskan ialah peristiwa pertikaman Puteri Bota dengan putera Malim Bisnu. Walaupun khalayak dapat meramalkan akan kemenangan ke atas Malim Bisnu tetapi gerakan pantas kedua-dua watak dengan senjata terhunus ditangan menimbulkan kesan yang mencemaskan dan mengerikan.

## vii. Peristiwa Yang Menggembirakan

Kemunculan Dewa Betara Guru untuk menyelamatkan Malim Bisnu dan Malim Bongsu telah menimbulkan kegembiraan khalayak. Hasil dari pertolongan dari Dewa Betara Guru ini kedua-dua putera dapat kembali meninjau keadaan ayahandanya yang pada ketika itu ada bersama Puteri Bota. Ekoran dari sini mereka juga dapat bertemu dengan bondanya Puteri Cempaka Emas yang ditawan oleh Puteri Bota di Pulau Angin Mati. Peristiwa pertemuan ini amat menggembirakan kerana pertemuan ini menjadi inspirasi kepada Putera Malim Bisnu untuk kembali ke bahtera ayahandanya bagi membunuh Puteri Bota.

Kematian Puteri Bota dan pertemuan kembali Puteri Cempaka Emas dengan Raja Tangkai Hati dan putera-puteranya merupakan penyelesaian kisah yang berakhir dengan kegembiraan. Kepuasan dan kegembiraan ini jelas terbayang bukan sahaja kepada para pelakon tetapi juga kepada khalayak. Ini dapat dikesan melalui tepukan yang gemuruh oleh khalayak sebagai tanda gembira dan berpuas hati. Unsur-unsur humor yang diselitkan dalam gerak dan pertuturan antara peran yang menimbulkan suasana gelak ketawa dari khalayak. Ini merupakan kesan estetika peristiwa yang berjaya mengusai emosi khalayak sehingga menimbulkan gerak balas.

Dari apa yang diperbincangkan tadi dapat dikatakan bahawa sememangnya terdapat hubungan secara langsung antara objek seni dan pengamat seni. Apa yang digambarkan di atas juga turut berlaku dalam jiwa dan fikiran khalayak. Ini dapat dilihat melalui reaksi khalayak seperti ketawa apabila melihat aksi lucu atau mendengar pengucapan yang melucukan, menangis apabila melihat babak sedih, bertepuk tangan

sebagai tanda gembira dan puas, mengeluh atau menggelengkan kepala sebagai tanda simpati dan lain-lain lagi.

Penglibatan emosi dalam satu-satu peristiwa seperti kesedihan, kegembiraan dan lain-lain adalah lahir dari gabungan aksi, pengucapan dan suasana peristiwa tersebut. Kejayaan pengarang atau pengarah menekan peristiwa melalui pengadunan kesemua aspek tadi berjaya menyentuh aspek kejiwaan yang melibatkan perasaan. Keindahan rupa sesebuah karya seni terserlah apabila berjaya mengheret emosi dan perasaan khalayak bersama dalam kesedihan dan kegembiraan yang dialami oleh watak.

### **5.3 KESIMPULAN**

Makna merupakan jiwa kepada karya. Dari perbincangan di atas, jelas menunjukkan bahawa persembahan Mak Yong sememangnya menekankan kepada estetika makna Jiwa karya cerita-cerita Mak Yong menyerlahkan nilai-nilai murni dari sudut world-view' dan moral masyarakat. Tanpa melibatkan emosi, khalayak tidak akan mampu untuk menyelami jiwa karya. Oleh yang demikian hubungan antara peristiwa dalam karya dengan emosi khalayak membantu khalayak menyelami dan memahami makna yang cuba diketengahkan oleh karya.

Manfaat makna bukan sahaja dari sudut hiburan malahan memberikan pengalaman dan panduan kepada khalayak. Dalam cerita-cerita Mak Yong, makna atau jiwa karya memperlihatkan pemikiran masyarakat Melayu tradisi dan membicarakan nilai-nilai moral yang baik untuk diambil ingatan dan diperaktikkan oleh khalayak. Ini akhirnya membantu menerapkan nilai-nilai murni dalam kehidupan masyarakat.